



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SARAWAK**

Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Hj. Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
93594 KUCHING, SARAWAK  
MALAYSIA

Tel : 6082-524 524  
Faks : 6082-524 599  
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-kuching>

Ruj. Kami: JANSWK/01/1004/10/ JLD.4 (26)  
Tarikh : 14 Oktober 2021

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Semua Ketua Pusat Pemungut (PP)  
di bawah Seliaan JANM Negeri Sarawak**

Tuan/ Puan,

**PERMOHONAN TERIMAAN SECARA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT) KE AKAUN  
BANK TERIMAAN KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan, terimaan secara EFT ke akaun bank terimaan kerajaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali Perenggan 4.3 di Lampiran B: Garis Panduan Pengurusan Terimaan Di Kaunter Terimaan Agensi Kerajaan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil.3 Tahun 2019 iaitu :-

- 2.1 Terimaan bagi bayaran/pindahan dari Agensi Pukal;
- 2.2 Terimaan bagi bayaran/pindahan dari Agensi Potongan Gaji; dan
- 2.3 Terimaan bagi pindahan dari bank yang terlibat dengan bayaran emolumen.

3. Sehubungan itu, sebarang terimaan selain daripada yang dinyatakan di atas hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Akauntan Negara Malaysia. Prosedur permohonan adalah seperti berikut:

- 3.1 Permohonan dikemukakan dengan melengkapkan format template yang disertakan.
- 3.2 Permohonan perlu disertakan dengan garis panduan kawalan Kementerian/ PTJ untuk memastikan terimaan secara EFT terus ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan adalah teratur dan boleh dikawal serta memastikan proses perakaunan dan kewangan berkaitan terimaan berkenaan berjalan dengan cekap dan lancar.
- 3.3 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada BKP emel **bkp\_ukp@anm.gov.my** melalui Bahagian Akaun masing-masing. Ini bertujuan supaya keperluan pengecualian ini dapat dilihat secara menyeluruh dan garis panduan yang disediakan adalah seragam.

4. Tuan/Puan diingatkan supaya tidak memberikan nombor akaun terimaan kerajaan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran JANM bagi mengelakkan berlakunya terimaan yang tidak dapat dikenalpasti. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/ puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

***“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAZELLENNY HAFIZA BINTI HAJI HAZEMI C.A.(M) )**

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sarawak.

**FORMAT KEPERLUAN MAKLUMAT PENGECUALIAN**  
**PERENGKAN 4.3 LAMPIRAN B SPANM TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN**

**1. PERMOHONAN PENGECUALIAN OLEH KEMENTERIAN \_\_\_\_\_**

1.1 Ringkasan maklumat permohonan BA \_\_\_\_\_ untuk melaksanakan terimaan secara EFT terus ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan adalah seperti berikut:

|     | Perkara                                                          | Ringkasan Permohonan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----|------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (1) | Tujuan                                                           | (1) Nyatakan jenis hasil dan kod hasil yang terlibat<br>(2) Keutamaan adalah kepada terimaan bukan hasil<br>(3) Terimaan Hasil hendaklah menggunakan saluran e-pembayaran yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan<br>(4) Sekiranya terdapat keperluan untuk terimaan Hasil mohon jelaskan justifikasi dan perancangan pada masa hadapan untuk menggunakan saluran e-pembayaran<br>(5) Fokus adalah kepada terimaan yang sangat penting, bukan kepada semua jenis hasil di Kementerian                                                 |
| (2) | Skop pengecualian                                                | Mohon nyatakan skop pengecualian terimaan yang dimohon:<br>(1) Syarikat swasta<br>(2) Pertubuhan<br>(3) Individu (tidak digalakkan bagi meminimakan ketidak patuhan individu menggunakan ID Korporat (rujukan 1 dan rujukan 2) semasa membuat bayaran)                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| (3) | Tempoh pengecualian                                              | Mohon nyatakan tempoh pengecualian terimaan yang dimohon. Kementerian hendaklah merancang untuk menggunakan saluran e-pembayaran yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan. Pengecualian akan diberikan secara bertempoh.                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| (4) | PTJ terlibat                                                     | (1) Mohon nyatakan bilangan PTJ yang akan terlibat semasa proses memperakaunkan terimaan. Sekiranya melibatkan PTJ di negeri/ cawangan adakah terimaan akan dipusatkan kepada Bahagian Akaun Kementerian sahaja.<br>(2) PTJ bertanggungjawab memastikan agensi yang membuat terimaan terus ke akaun terimaan utama AO mematuhi SOP dan mengunci masuk maklumat ID Korporat (rujukan 1 dan rujukan 2)                                                                                                                                          |
| (5) | AO terlibat                                                      | (1) Skop pengecualian melibatkan Bahagian Akaun Kementerian sahaja.<br>(2) Sekiranya terdapat keperluan untuk dipanjangkan kepada JANM Negeri/ Cawangan, pelaksanaan perlu dilaksanakan di Bahagian Akaun Kementerian terlebih dahulu. Bahagian Akaun perlu mengkaji dan menambahbaik isu pelaksanaan sebelum perkara ini dicadangkan untuk dipanjangkan kepada JANM Negeri/ Cawangan<br>(3) Kebenaran JANM Negeri/ Cawangan hendaklah didapatkan terlebih dahulu sebelum PTJ dibenarkan memaklumkan nombor akaun bank utama AO kepada Agensi |
| (6) | Status terimaan EFT terus ke Akaun Terimaan Utama AO (sedia ada) | <i>Contoh:</i><br>BA _____ menerima 0-30 transaksi dalam tempoh 1 bulan yang melibatkan amaun kurang daripada RM10,000. Dari jumlah ini, kurang daripada RM1,000 (10%) penyesuaian dengan bank dilaksanakan secara manual (forcematch).                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |

**FORMAT KEPERLUAN MAKLUMAT PENGECUALIAN  
PERENGKAN 4.3 LAMPIRAN B SPANM TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN**

- 1.2 Transaksi melalui *Cheque Deposit Machine/ Cash Deposit Machine* adalah tidak dibenarkan.
- 1.3 Justifikasi permohonan - mohon berikan justifikasi permohonan, contoh:

- 1.3.1 Keperluan terimaan secara atas talian disebabkan oleh pelaksanaan PKP.
- 1.3.2 Saluran epembayaran secara JomPAY selaras dengan PP PS2.3 Terimaan Kerajaan Secara Elektronik Melalui Perbankan Internet Dan Perbankan Mudah Alih dalam proses pembangunan dan dijangkakan akan mula digunakan \_\_\_\_\_ 2021.
- 1.3.3 Terimaan \_\_\_\_\_ melibatkan terimaan Deposit kerana JomPay tidak boleh digunakan bagi terimaan bukan hasil.

- 1.4 Menyediakan Garis Panduan dalaman Kementerian.

Antara perkara penting dalam garis panduan adalah seperti berikut:

(1) Proses kutipan

(2) Penggunaan ID Korporat (Rujukan 1 dan Rujukan 2)

- a) Mewujudkan penggunaan ID Korporat (kombinasi seperti jadual berikut) sebagai Rujukan 1

| Kod Kumpulan PTJ<br>(8 aksara)               | + | Singkatan Nama Pembayar<br>(maksimum 10 aksara) |
|----------------------------------------------|---|-------------------------------------------------|
| Contoh<br><b>XXXXXXXX</b><br>JKR Ibu Pejabat |   | <b>SYAMAJU</b><br>Syarikat Maju Berhad          |
| ID Korporat : <b>XXXXXXXXSYAMAJU</b>         |   |                                                 |

- b) Maklumat Other Payment Details (Reference 2) semasa pembayar membuat bayaran.

Pembayar mengunci masuk nombor rujukan tuntutan/ bayaran kepada PTJ (contoh nombor rujukan tender, nombor bil/invois)

(3) Proses pembayar mengemukakan bukti bayaran kepada PTJ dan AO

(4) Proses sekiranya berlaku double payment

(5) Mewujudkan kawalan dalaman bagi mengurangkan terimaan EFT terus ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan dari pembayar Individu.

- 1.5 Memastikan pertubuhan, syarikat swasta dan individu (tidak digalakkan) mematuhi garis panduan yang disediakan terutama pematuhan kepada penggunaan ID Korporat sebagai Rujukan 1 dan nombor tender atau nombor rujukan tuntutan PTJ sebagai Rujukan 2 supaya penyesuaian dengan bank dapat dilaksanakan secara Automatic Clearing.

**FORMAT KEPERLUAN MAKLUMAT PENGECUALIAN  
PERENGGAN 4.3 LAMPIRAN B SPANM TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN**

- 1.6 Memastikan isu terimaan tidak dapat dikenalpasti dapat diminimakan dan diselesaikan. Memindahkan terimaan tidak dapat dikenalpasti kepada akaun hasil dan sekiranya terdapat keperluan bayaran balik dibuat, bayaran boleh dibuat melalui bayaran balik hasil tidak tepat untuk dijadikan kaedah penyelesaian. Ini disebabkan oleh, Pelanggan (pembayar) mempunyai hak supaya invois/bil yang dikeluarkan dan telah dibayar oleh mereka dikeluarkan Resit Rasmi dan subsidiari Akaun Belum Bayar (ABT) dikemas kini.
- 1.7 Mohon emelkan surat rasmi dan kertas permohonan kepada **bkp\_ukp@anm.gov.my**